

Peruntuk RM200,000 bina pusat asuhan

NORUTUL ILHAM MAD JARI

14 Mac 2014



Cheap Flights bis -90%

ab-in-den-urlaub-deals.de/Cheap+Flights

Cheap Flights min. 50 bis -90%! Hier Cheapest Tickets buchen.



Datuk Seri Rohani Abdul Karim

SHAH ALAM - Kerajaan memperuntukkan RM200,000 kepada mana-mana kementerian atau agensi penjagaan kanak-kanak untuk menggalakkan kewujudan pusat asuhan di tempat kerja.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Rohani Abdul Karim berkata, peruntukkan itu adalah sebagai agenda untuk memperkasakan penyertaan wanita bagi mencapai kesaksamaan gender dalam pekerjaan.

"Fokus kita adalah untuk mewujudkan sebuah persekitaran mesra wanita dan keluarga, adalah penting demi memastikan wanita berkerjaya dan berkeluarga dapat kekal di dalam pekerjaan.

"Bagi sektor swasta pula, modal geran sebanyak RM10,000 diperuntukkan untuk penubuhan pusat asuhan dan pendidikan awal kanakkanak," katanya. Bagi tujuan itu juga, kerajaan memberikan pengecualian cukai penubuhan pusat-pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja.

"Pengecualian cukai ini bermula sejak 1994 dan berkuat kuasa 2013. Insentif berbentuk pengecualian cukai pendapatan selama lima tahun dan elaun bangunan industri sebanyak 10 peratus setahun diberikan kepada operator.

"Selain itu, terdapat juga potongan cukai berganda ke atas elaun atau subsidi yang dibayar sebagai gaji pekerja atau perbelanjaan penyelenggaraan pusat penjagaan kanak-kanak tersebut," katanya.

Menurutnya, selain kemudahan tersebut kerajaan juga memperuntukkan subsidi yuran kepada kanak-kanak.

"Diperuntukkan sebanyak RM180 bagi setiap kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang bekerja di sektor awam dan berpendapatan isi rumah di bawah RM5,000 sebulan.

"Ini satu lagi bentuk inisiatif meringankan beban penjawat awam daripada kumpulan berpendapatan rendah," katanya.